KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	12/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			



BEBERAPA ekor monyet memanjat sebuah kereta.

NORAZIMAH bersama bayinya yang cedera selepas dikejar monyet liar di Pantai Teluk Cempedak, Kuantan baru-baru ini.

Bayi cedera tersembam selepas dikejar binatang

Lari lintang-pukang 'diserang' monyet liar

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

KUANTAN – Percutian buat pertama kali sebuah keluarga selepas kebenaran rentas negeri dibenarkan ke Pantai Teluk Cempedak di sini bertukar menjadi igauan ngeri apabila mereka diserang sekumpulan monyet liar.

Kejadian kira-kira pukul 5.52 petang pada 8 November lalu itu menyebabkan mangsa, Norazimah Bunihan, 33, dan keluarganya melalui detik mencemaskan apabila mereka terpaksa melarikan diri sehingga bayi mengalami kecederaan akibat terjatuh.

Norazimah dari Kluang, Johor berkata, dia bersama suami dan tiga anaknya mengambil peluang untuk bercuti di Kuantan dengan menginap di sebuah hotel berhampiran Pantai Teluk Cempedak selama dua malam.

Katanya, semasa kejadian, dia dan suami serta tiga anaknya sedang berjalan ke kereta yang diletakkan bersebelahan hotel bagi mengambil selipar untuk digunakan semasa berjalan di pantai.

"Sebaik sahaja tiba berhampiran kereta, kami mula cemas apabila melihat sekumpulan monyet liar di atas pokok serta memanjat kereta pengunjung.

"Belum sempat suami tiba di kereta, ada seekor monyet yang agak besar terus mengejar dan ingin menerkam suami menyebabkan dia berlari ke arah hotel.

"Saya dan anak-anak menjadi panik dan kerana monyet liar berada di sebelah 'stroler' bayi, saya cuba melarikan diri dengan menolak 'stroler' sebelum bayi saya tersembam," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Norazimah, kejadian itu menyebabkan bayinya yang berusia 11 bulan mengalami luka dan lebam pada muka dan dahi serta dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan untuk rawatan lanjut.

Katanya, meskipun luka pada muka bayi tidak serius, namun kejadian itu menyebabkan mereka trauma, apatah lagi bayinya mempunyai penyakit sawan.

Sementara itu, menurut kenyataan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), susulan kejadian itu, kawasan Teluk Cempedak dan Bukit Pelindung ditutup sementara pada 11, 16, 18, 23 dan 24 November bagi operasi kawalan kera oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).